



KOSPERA

کورپراسي سوزوهنجاي قنچکهن رسواہ علیسیا برحد

22 DISEMBER 2022
(KHAMIS)



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4 2022

TEMPAT:
DEWAN AUDITORIUM,
ARAS 3,
IBU PEJABAT SPRM
PUTRAJAYA



kospera@sprm.gov.my

KANDUNGAN

KATA ALUAN Pengerusi	1
AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4	2
LAPORAN TAHUNAN KOSPERA 2021	3
LAPORAN BERKANUN AHLI LEMBAGA	11
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	14
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DIS 2021	18
ANGGARAN PERBELANJAAN 2023	35
SENARAI ANGGOTA KOSPERA LAYAK MENJADI AHLI LEMBAGA KOPERASI	36
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-3	40



**DATO' SRI SHAMSHUN BAHARIN
BIN MOHD JAMIL
PENGURUSI KOSPERA**

KATA ALUAN PENGURUSI

Salam Sejahtera.

Semua anggota KOSPERA yang dihormati,

Lafaz penuh kesyukuran dipanjatkan kehadrat illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat sama-sama kita mengorak langkah mendepani tahun 2021 yang mencabar.

Pasca pandemik Covid-19 memperlihatkan pelbagai usaha dan kegiatan kembali rancak dilaksanakan khusus untuk memastikan norma kehidupan kembali seperti sedia kala.

Tatkala merancang pelbagai usaha dan tindakan, keutamaan juga harus diberikan dalam memastikan penjimatan dalam perbelanjaan dapat direalisasikan sebaik mungkin agar tidak memberikan impak negatif bagi jangka masa panjang. Sejajar itu, KOSPERA amat komited untuk memastikan caruman ahlinya terjamin dan tidak akan digunakan sewenang-wenangnya untuk mengembangkan rantaian dan potensi perniagaan tanpa keperluan mendesak.

Halangan dan cabaran yang dihadapi ini menguji kesabaran dan kesepakatan kita di dalam koperasi. Bagi semua Ahli Lembaga dan pasukan kerja KOSPERA, terima kasih tidak terhingga diucapkan atas komitmen yang diberikan serta tanggungjawab yang digalas sepanjang tahun 2021 ini. Penghargaan ini adalah di atas amanah yang telah digalas dalam memastikan KOSPERA masih bertahan walaupun berhadapan dengan situasi semasa yang amat mencabar.

Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada warga SPRM yang telah menjadi Anggota KOSPERA kerana hanya dengan sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh anda semua dapat memangkin usaha kami memajukan KOSPERA. Sehingga kini, hampir 501 orang pegawai dan kakitangan telah menjadi Anggota berdaftar KOSPERA. Anggaplah komitmen caruman yang anda berikan kepada KOSPERA ini sebagai tabungan kecil untuk anda di masa hadapan, disamping bersama-sama kita memastikan visi dan misi KOSPERA tercapai akhirnya.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga SPRM, marilah sama-sama kita memperkasai Koperasi kita ini. Disamping itu, sama-sama kita berdoa agar Allah SWT merahmati dan mempermudah segala usaha murni kita ini.

“Dari Anda Untuk Anda”. Sekian dan selamat bersidang.

DATO' SRI SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL

AGENDA MESYUARAT

BIL.	PERKARA
1.	Ucapan Pengerusi Ahli Lembaga KOSPERA
2.	Melantik 2.1 Seorang Pengerusi Mesyuarat; dan 2.2 Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4;
3.	Menyemak dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-3
4.	Menimbang dan meluluskan : 4.1 Laporan Tahunan Lembaga; 4.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalam; 4.3 Akaun-akaun Teraudit KOSPERA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021; 4.4 Anggaran belanjawan tahun akan datang;
5.	Memilih dan melantik : Lima (5) Ahli Lembaga baharu mengikut Undang-Undang Kecil 37 KOSPERA;
6.	Enam (6) orang dari Anggota KOSPERA yang hadir serta empat (4) orang dari kalangan Ahli Lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4;
7.	Memilih dan melantik Jawatankuasa Audit Dalam;
8.	Meluluskan pelantikan MNZWAJA CHARTERED ACCOUNTANTS sebagai JuruAudit Luar yang akan mengendalikan audit bagi penggal akaun berakhir 31 Disember 2022 ;
9.	Menimbang dan melulus kuasa Lembaga untuk had keterhutangan;
10.	Menimbang dan melulus skop dan had pelaburan;
11.	Membentang, menimbang dan meluluskan : 11.1 Usul dan cadangan dari Lembaga; dan 11.2 Apa-apa usul atau notis atau urusan lain yang dibangkitkan oleh Anggota yang dihantar kepada KOSPERA sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agung; dan
12.	Hal-hal lain

LAPORAN TAHUNAN

2021

KOPERASI SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

VISI, MISI & OBJEKTIF KOPERASI

- **VISI**

Menjadikan sebuah koperasi yang terbaik dan unggul dalam memberi kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota

- **MISI**

Meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota dengan kualiti perkhidmatan yang terbaik.

- **MOTTO**

‘Prihatin, Mesra dan Profesional’

OBJEKTIF

- Meningkatkan taraf sosio ekonomi anggota;
- Menjaga kepentingan dan kebajikan anggota;
- Memperkasa budaya saling membantu;
- Memastikan pengurusan yang efisien, berhemah dan telus; dan
- Menjamin pulangan yang baik ke atas modal saham yang dilaburkan


PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan kebajikan anggota diutamakan;
- Memastikan perkhidmatan adalah terbaik dan efisien; dan
- Amanah dan telus dalam semua aktiviti.

AHLI LEMBAGA KOSPERA



JAWATANKUASA AUDIT DALAM



STAF KOSPERA



MESYUARAT AHLI LEMBAGA

AKTIVITI MESYUARAT

1

BIL 1/2021

Tarikh : 6 Jan 2021 (Rabu)
Jam : 10.30 pagi
Tempat : Bilik Gerakan SPRM

2

BIL 2/2021

Tarikh : 12 Mac 2021 (Jumaat)
Jam : 3.00 petang
Tempat : Bilik Gerakan SPRM

3

BIL 3/2021

Tarikh : 6 Oktober 2021 (Rabu)
Jam : 3.00 petang
Tempat : Bilik Gerakan SPRM

4

BIL 4/2021

Tarikh : 17 Disember 2021 (Selasa)
Jam : 3.00 petang
Tempat : Bilik Gerakan SPRM

JUMLAH ANGGOTA



361 ahli

Sehingga 31 Disember 2021

MODAL SYER DAN MODAL YURAN

- Jumlah modal syer dan modal yuran sehingga **31 Disember 2021** adalah seperti infografik berikut:




RINGKASAN AKTIVITI PERUNCITAN

BULAN	TAHUN		Jualan bulanan Kedai Serbaneka bagi Tahun 2020 dan 2021
	2020	2021	
• Januari	RM4,263.00	RM4,993.90	
• Februari	RM4,317.00	RM12,290.10	
• Mac	RM4,097.00	RM9,976.10	
• April	RM280.00	RM4,246.50	
• Mei	RM2,519.00	RM9,600.90	
• Jun	RM6,547.00	RM3,492.20	
• Julai	RM4,447.00	RM4,237.20	
• Ogos	RM3,602.00	RM3,092.10	
• September	RM4,887.00	RM3,530.90	
• Oktober	RM4,845.00	RM5,592.30	
• November	RM5,031.00	RM4,802.30	
• Disember	RM3,906.00	RM2,641.60	
JUMLAH	RM42,927.00	RM68,496.30	

KOMISYEN KONSAINAN


BULAN	JUMLAH
• Januari	RM776.80
• Februari	RM962.30
• Mac	RM1,695.30
• April	RM1,596.00
• Mei	RM815.40
• Jun	RM325.10
• Julai	RM296.85
• Ogos	RM462.00
• September	RM829.20
• Oktober	RM540.30
• November	RM667.30
• Disember	RM685.00
JUMLAH	RM9,651.55



BAYARAN KHAIRAT KEMATIAN

BIL.	NAMA	NO. ANGGOTA	KHAIRAT KEMATIAN	JUMLAH (RM)
1.	Mohd Asmawi Bin Ab. Hamid	K00346	Anak	RM300.00
2.	Nor Azreen Binti Zulkafli	K00326	Bapa	RM300.00
3.	Samsul bin Salip	K00177	Ibu	RM300.00
4.	Nurahim bin Abd Rahim	K00268	Isteri	RM500.00
5.	Azman bin Indus	K00088	Bapa	RM300.00
6.	Mohd Zaki bin Ibrahim	K00011	Ibu	RM300.00
JUMLAH				RM2,000.00

AKTIVITI KOSPERA



Kursus Wajib 1, 2, 3 Untuk ALK

Tarikh : 1 - 2 Mac 2021

24 - 25 Mac 2021

21 - 22 Jun 2021



Kursus Wajib JuruAudit Dalam

Tarikh : 9 - 10 Mac 2021



Jualan Sampul Raya



Taklimat Kepada Kadet MACA

Tarikh : 13 November 2021

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Kegiatan utama Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad ialah menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan 'vending machine' dan komisen jualan konsainan.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-


- a) Perolehan Koperasi di sepanjang tahun tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusan atau kejadian yang luarbiasa. Kerugian bersih sebelum pembahagian adalah berjumlah RM17,511.58 (2020: RM38,700.82).
- b) Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2021, Koperasi **tidak bercadang** untuk memberi sebarang peruntukan ke atas perkara-perkara seperti dividen, honorarium dan lain-lain peruntukan ke atas mana-mana peruntukan kumpulan/tabung wang.
- c) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59 (4), Akta Koperasi, 1993;
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai,
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan,
- f) Anggota Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa, modal dan rizab yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah; dan
- g) Anggota Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh
Effezul Azran bin Abd Maulop
Rozila binti Abdullah @ Romli
Harmilah binti Kudi
Dato' Indera Junipah binti Wandu
Siti Zakiah binti Che Man
Saiful Azri bin Mohamad
Hadi bin Husin
Mohamad Zaki bin Ibrahim
Mohammad Lotfi bin Ismail
Intan Bayzura binti Amran
Mohd Nor bin Ali
Mohamad bin Ahmad @ Puteh
Fatimah binti Ali

Pengerusi
Setiausaha
Bendahari
Penolong Setiausaha
Penolong Bendahari
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga
Anggota Lembaga

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**


Kami bagi pihak Anggota Lembaga mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993 Seksyen 59(3).



Dato' Sri Shamsun Baharin
bin Mohd Jamil
(Pengerusi)



Megat Nor Esham bin Megat
Mohd Salleh
(Setiausaha)




Effezul Azran bin Abd Maulop
(Bendahari)

Putrajaya
Tarikh:


PENYATA ANGGOTA LEMBAGA

Kami, Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan Effezul Azran bin Abd Maulop, dua daripada Anggota Lembaga Koperasi Surubanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan penyata kedudukan kewangan, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 Disember 2021 dan hasil serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga;



Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Pengerusi



Effezul Azran bin Abd Maulop
Bendahari

Putrajaya
Tarikh:

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**., yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah mengendalikan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini adalah dihuraikan dengan lanjut dalam *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* dalam Laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi, selaras dengan *By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* Institut Akauntan Malaysia ("*By-Laws*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Akauntan International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut *ByLaws* dan Kod IESBA.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Lembaga tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Lembaga dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Lembaga dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Lembaga adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan kami diperolehi dalam audit atau sebaliknya sekiranya terdapat salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa laporan para pengarah terdapat salah nyata yang ketara, maka kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa pandangan untuk melaporkan hal ini.

Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Para Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh para Lembaga untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, para Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para lembaga berniat untuk membubarkan Koperasi atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Kepastian yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan professional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas pendapat yang munasabah. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai dasar-dasar perakaunan penting yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakatan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (sambungan)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dengan cara mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para lembaga, antaranya yang berkaitan dengan skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sepanjang pengauditan kami.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

MNZWAJA AF 001959
Akauntan Bertauliah

Muzammil bin Hafiz
DKM (B) 0154
02075/07/2024 J
Akauntan Bertauliah

Shah Alam
Tarikh:

PENYATA PERAKAUNAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Harta tanah, loji dan peralatan	3	2,881.02	4,649.70
Pelaburan dalam syer tak siar harga	4	10,000.00	10,000.00
		<u>12,881.02</u>	<u>14,649.70</u>
ASET SEMASA			
Inventori	5	9,559.16	5,176.27
Penghutang dan deposit	6	22,850.00	-
Wang di bank	7	1,300,872.62	174,919.21
		<u>1,333,281.78</u>	<u>180,095.48</u>
JUMLAH ASET		<u>1,346,162.80</u>	<u>194,745.18</u>
DIBIAYAI OLEH:			
Modal syer anggota	9	48,650.00	42,275.00
Modal yuran anggota	10	302,740.00	165,140.00
Lain-lain tabung Am	11	1,075,341.00	22,955.00
Akaun untung rugi terkumpul		(102,116.86)	(84,605.28)
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>1,324,614.14</u>	<u>145,764.72</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	12	967.46	967.46
		<u>967.46</u>	<u>967.46</u>
		<u>1,325,581.60</u>	<u>146,732.18</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	8	20,581.20	48,013.00
Jumlah liabiliti semasa		<u>20,581.20</u>	<u>48,013.00</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>20,581.20</u>	<u>48,013.00</u>
JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>1,346,162.80</u>	<u>194,745.18</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
Kerugian bersih tahun ini		(17,511.58)	(38,700.82)
Tolak: Pelarasan operasi		-	-
Kerugian bersih selepas pelarasan operasi		<u>(17,511.58)</u>	<u>(38,700.82)</u>
Tolak: Pelarasan bukan operasi	13	-	(765.00)
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		(84,605.28)	(45,139.46)
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		<u><u>(102,116.86)</u></u>	<u><u>(84,605.28)</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

AKAUN UNTUNG RUGI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Daripada Aktiviti			
Kedai	14	68,496.30	48,742.25
Top-up E-payment	15	20,610.00	9,861.59
Sewaan	16	10,800.00	-
		<u>99,906.30</u>	<u>58,603.84</u>
Lain-lain Pendapatan			
Pendapatan am	17	49,759.66	13,657.88
		<u>149,665.96</u>	<u>72,261.72</u>
JUMLAH PENDAPATAN			
TOLAK : PERBELANJAAN			
Kos Aktiviti			
Kedai	14	55,101.86	40,095.92
Top-up E-payment	15	20,247.70	9,375.95
Sewaan	16	6,000.00	-
		<u>81,349.56</u>	<u>49,471.87</u>
Perbelanjaan Am			
Alatulis dan Percetakan		19,744.60	977.50
Belanja am		1,280.70	1,150.90
Belanja Mesyuarat Agong		2,860.00	-
Bayaran balik fi masuk anggota		20.00	39.76
Belanja mesyuarat		997.00	1,377.50
Caj bank		497.90	287.80
Caj perkhidmatan SPBA		-	150.00
Denda dan penalti		679.00	-
Duti setem		492.00	-
Elaun		-	400.00
Fi Juruaudit luar		2,500.00	1,700.00
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	18	52,858.01	51,974.95
Komisen ANGKASA		941.04	581.18
Kursus		-	100.00
Lesen Perniagaan		168.00	168.00
Perjalanan dan pengangkutan		150.00	200.00
Perbelanjaan simpanan		100.00	100.00
Perbelanjaan SST		177.00	132.00
Susutnilai Harta Tanah, Loji dan Perlatan	19	2,246.68	2,151.08
Stok rosak		116.05	-
		<u>85,827.98</u>	<u>61,490.67</u>
JUMLAH PERBELANJAAN			
		<u>167,177.54</u>	<u>110,962.54</u>
Kerugian bersih			
		<u>(17,511.58)</u>	<u>(38,700.82)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian bersih sebelum cukai	(17,511.58)	(38,700.82)
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	2,246.68	2,151.08
Modal syer dan modal yuran terkurang catat	-	(505.00)
Insurans anggota terkurang catat	-	(260.00)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>(15,264.90)</u>	<u>(37,314.74)</u>
Perubahan pada modal kerja:		
Tambahan inventori	(4,382.89)	(976.43)
Tambahan penghutang	(22,850.00)	-
Tambahan/ (kurangan) pelbagai pemiutang dan akruan	<u>(27,431.80)</u>	<u>(428.00)</u>
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti koperasi	<u>(69,929.59)</u>	<u>(38,719.17)</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Lain-lain Tabung anggota	<u>1,052,386.00</u>	<u>11,475.00</u>
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada bayaran berkanun dan agihan	<u>1,052,386.00</u>	<u>11,475.00</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	<u>(478.00)</u>	<u>(423.90)</u>
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(478.00)</u>	<u>(423.90)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Terimaan modal syer anggota	6,375.00	18,975.00
Terimaan modal yuran anggota	<u>137,600.00</u>	<u>83,205.00</u>
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>143,975.00</u>	<u>102,180.00</u>
Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	1,125,953.41	74,511.93
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>174,919.21</u>	<u>100,407.28</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u><u>1,300,872.62</u></u>	<u><u>174,919.21</u></u>
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:-		
Wang di bank	<u>1,300,872.62</u>	<u>174,919.21</u>
	<u><u>1,300,872.62</u></u>	<u><u>174,919.21</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad ialah menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan 'vending machine' dan komisen jualan konsainan.

Jumlah anggota yang menjadi ahli Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 361 orang (2020: 312).

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 2 orang (2020: 2 orang).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas-asas perakaunan

- i. Penyata kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Pelarasan akan dibuat untuk menyesuaikan dengan nilai-nilai saksama aset atau liabiliti.
- ii. Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993, Peraturan Koperasi 2010 dan Undang – undang Kecil Koperasi.

(b) Yuran pendaftaran anggota

Yuran pendaftaran anggota dikreditkan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan Koperasi mengikut kehendak Fasal 13(4) Undang-undang Kecil Koperasi.

(c) Harta tanah, loji dan peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset-aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Komputer	20%
Aset-aset lain	20%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(c) Harta tanah, loji dan peralatan (sambungan)

Sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(d) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih setelah ditolak peruntukan ke atas inventori lama dan rosak. Inventori ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu.

(e) Aset kewangan

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Aset kewangan (sambungan)

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan (sambungan)

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir tempoh setiap pelaporan, Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Aset kewangan (sambungan)

iv) *Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)*

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Koperasi akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

v) *Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Koperasi memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

(f) Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(g) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir masuk kepada Koperasi dan jumlah pendapatan boleh dikira secara munasabah.

i. Jualan barangan dan perkhidmatan

Pendapatan ini diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun ke atas pemindahan risiko dan ganjaran kepada pembeli.

(h) Manfaat pekerja

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Koperasi. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

ii. Rancangan caruman tertentu

Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, koperasi-koperasi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

(i) Penjejasan aset

Nilai dibawa bagi aset adalah dinilai untuk tujuan penjejasan apabila terdapat indikasi aset mungkin terjejas. Penjejasan diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh didapati semula. Amaun boleh didapati semula adalah lebih tinggi dari harga jualan bersih aset dan nilai gunanya, yang mana ia diukur dengan nilai aliran tunai diskaun masa depan. Amaun boleh didapati dianggar untuk setiap aset, dan jika munasabah, untuk unit tunai dijana.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(i) Penjejasan aset (sambungan)

Rugi penjejasan dicaj ke penyata kewangan pendapatan serta merta kecuali jika aset dibawa pada amaun nilai semula. Sebarang rugi penjejasan bagi aset dinilai dianggap sebagai pengurangan penilaian di mana lebihan penilaian sebelum bagi aset yang sama. Peningkatan susulan pada amaun aset diterima adalah sebagai penarikbalikan rugi terjejas sebelum dan diiktiraf sehingga ke amaun dibawa aset yang boleh ditentukan (pelupusan dan pelunasan bersih) tidak mempunyai rugi terjejas diiktiraf. Penaribalikan diiktiraf di penyata pendapatan serta merta kecuali jika aset dibawa pada amaun nilaian. Pembalikan rugi terjejas pada aset nilaian dicaj terus ke lebihan penilaian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kos		
	Pada		Pada
	1.1.2021	Tambahan	31.12.2021
	RM	RM	RM
Komputer	2,049.00	-	2,049.00
Aset-aset lain	8,706.40	478.00	9,184.40
	<u>10,755.40</u>	<u>478.00</u>	<u>11,233.40</u>
	Susutnilai terkumpul		
	Pada	Susutnilai	Pada
	1.1.2021	semasa	31.12.2021
	RM	RM	RM
Komputer	1,229.40	409.80	1,639.20
Aset-aset lain	4,876.30	1,836.88	6,713.18
	<u>6,105.70</u>	<u>2,246.68</u>	<u>8,352.38</u>
	Nilai buku bersih		
	Pada	Pada	
	31.12.2021	31.12.2020	
	RM	RM	
Komputer		409.80	819.60
Aset-aset lain		2,471.22	3,830.10
		<u>2,881.02</u>	<u>4,649.70</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

4. PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA

	Bilangan Unit	2021 RM	Bilangan Unit	2020 RM
Pada harga kos				
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00

5. INVENTORI

	2021 RM	2020 RM
Nilai kos inventori barang siap:		
Kedai	7,514.81	3,884.22
Top-up E-payment	2,044.35	1,292.05
	<u>9,559.16</u>	<u>5,176.27</u>

6. PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	2021 RM	2020 RM
Penghutang	19,850.00	-
Deposit sewaan	3,000.00	-
	<u>22,850.00</u>	<u>-</u>

7. WANG DI BANK

	2021 RM	2020 RM
Affin Islamic Bank Berhad (105490005293)	-	1,475.65
Affin Islamic Bank Berhad (105490005303)	-	170,840.31
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (1100947178)	2,893.47	2,603.25
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (1101725271)	1,297,979.15	-
